

BMW Malaysia sumbang lima enjin kepada IPT

KUALA LUMPUR - BMW Group Malaysia (BMW Malaysia) menyumbang lima enjin jenis BMW TwinPower Turbo 2.0-Litre 4 Cylinder kepada lima buah institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, khusus bagi tujuan kajian dan pembangunan dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran kejuruteraan.

Lima IPT tersebut ialah Universiti Malaysia Pahang, Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur, Universiti

Taylor, Kolej Antarabangsa Automotif dan The Otomotif College.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BMW Malaysia, Alan Harris berkata, inisiatif tersebut merupakan salah satu cara pihak syarikat mewujudkan nilai bagi industri, yang merupakan prinsip asas bagi pengeluar kereta premium itu.

"Menerusi kerjasama dengan IPT seperti ini, ia dapat menyediakan peluang kepada kami untuk berkongsi

dan meningkatkan kepakaran serta skil, yang secara tidak langsung mendorong inovasi kepada industri automotif di negara ini," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sementara itu, menurut Harris, pihaknya antara lain turut bekerjasama dengan beberapa institusi akademik tempatan dalam usaha untuk membantu mewujudkan tenaga kerja mahir serta membawa perspektif baharu ke dalam bidang perniagaan.